



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP (NEGERI PERAK)

Tingkat 1, Blok A, Bangunan Persekutuan Greentown,
Jalan Dato Seri Ahmad Said, 30450, Ipoh, Perak

No. Telefon : 05-241 4611

No. Faks : 05-254 1192

JUAL MINYAK MASAK PAKET BERSUBSIDI DENGAN BERSYARAT, PENIAGA RUNCIT DIKENAKAN TINDAKAN KPND

MANJUNG, 4 Jun 2024, KPND Perak Cawangan Manjung hari ini telah melakukan tindakan pemeriksaan melalui penyamaran 'OPS SAMAR' ke atas premis-premis perniagaan yang menjual barang kawalan bersubsidi di sekitar Medan Acheh, Setiawan Perak.

2. Hasil pemeriksaan yang dijalankan oleh sepasukan Pegawai dan anggota Penguat Kuasa KPND Perak Cawangan Manjung kira-kira jam 12.10 tengahari tersebut telah berjaya mengesan satu salah laku peniaga melibatkan aktiviti penjualan bersyarat barang kawalan minyak masak paket 1kg bersubsidi di sebuah premis perniagaan yang dimiliki oleh warga tempatan.

3. Pegawai KPND telah membuat penyamaran dengan melakukan uji beli (*test purchase*) minyak masak paket 1kg di premis tersebut dan penjual telah memberitahu secara lisan bahawa perlu membeli barangan lain di premis tersebut sebelum dibenarkan membeli minyak masak paket 1kg dengan harga RM2.50 sepaket. Kenyataan secara lisan pembelian bersyarat oleh peniaga tersebut telah dirakam melalui kamera tersembunyi untuk dijadikan sebagai bukti siasatan.

4. Susulan kenyataan tersebut, sepasukan pegawai dan anggota KPDN beruniform telah membuat pemeriksaan menyeluruh ke atas premis berkenaan dan menemui sebanyak **77kg** minyak masak paket 1kg yang disimpan di dalam stor premis berkenaan. Pemeriksaan lanjut juga mendapati pemilik premis ini merupakan pemegang lesen CSA runcit yang masih sah. Berdasarkan maklumat tersebut, disyaki satu kesalahan telah dilakukan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

5. Sehubungan itu, satu tindakan kes telah diambil dengan melaksanakan sitaan ke atas semua minyak masak paket 1kg tersebut bersama dokumen yang berkaitan. Kes akan disiasat dibawah Akta Kawalan Bekalan 1961. Sekiranya disabitkan dengan kesalahan di bawah Akta ini boleh dikenakan penalti seperti berikut;

- (i) Bagi mana-mana orang perseorangan; didenda tidak melebihi RM1 juta (satu juta ringgit) atau penjara tidak melebihi tiga (3) tahun atau kedua-duanya sekali.
- (ii) Bagi pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi RM2 juta (dua juta ringgit) dan bagi kesalahan yang kedua didenda tidak melebihi RM5 juta (lima juta ringgit).

6. Para peniaga diingatkan agar tidak mengenakan apa-apa syarat bagi pembelian barang kawalan kerana ianya adalah satu kesalahan dibawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan peniaga perlu menjalankan perniagaan sepertimana kehendak perundangan sedia ada. Peniaga diingatkan supaya lebih beretika dan tindakan tegas akan diambil sekiranya gagal mematuhi perundangan yang ditetapkan di bawah akta yang dikuatkuasakan oleh KPDN.

7. Pengguna juga disarankan agar membuat aduan salah laku peniaga melalui saluran rasmi yang ditetapkan oleh KPDN. Dinasihatkan tidak membuat aduan melalui media sosial bagi menjaga kerahsiaan maklumat dan melindungi data peribadi pengadu untuk mengelakkan daripada ancaman oleh pihak yang berkenaan.

8. Masyarakat juga disarankan untuk menjadi mata dan telinga kepada pihak berkuasa untuk menyalurkan maklumat berhubung aktiviti penyelewengan barang kawalan dan bersubsidi ke mana-mana cawangan KPDN berdekatan untuk bersama-sama membanteras aktiviti ini daripada terus berlaku dan dapat mengelakkan berlakunya ketirisan subsidi Kerajaan. Sila salurkan aduan melalui saluran-saluran seperti berikut:

- i) Aplikasi WhatsApp ke 019-279 4317 / 019-848 8000
- ii) Portal e-aduan@kpdn.gov.my;
- iii) Call centre 1 800 886 800;
- iv) Emel ke e-aduan@kpdn.gov.my;
- v) Aplikasi telefon pintar Ez Adu KPDN.

DATO' HJ. KAMALLUDIN BIN HJ. ISMAIL

Pengarah

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri

Dan Kos Sara Hidup Negeri Perak

5 Jun 2024

-Tamat-